

Tarikh: 21hb March 2011

Ahli Umno yang prihatin

Yang Berhormat Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein

Menteri Dalam Negeri

Kementerian Dalam Negeri,

Blok D2, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62546 Putrajaya

Yang Berhormat,

PER: GANGSTERISM DI KALANGAN MASYARAKAT INDIA MENGGUGAT UMNO DAN BARISAN NASIONAL. SATU KONSPIRASI SEDANG DIRANCANG SECARA BESAR-BESARAN UNTUK MENIDAKKAN UNDI BUKAN MELAYU KHUSUSNYA KAUM INDIA DENGAN MENUDUH UMNO DAN KERAJAAN MELAKUKAN "ETHNIC CLEANSING" TERHADAP KAUM INDIA. GEJALA RASUAH, PENGABAIAN TUGAS, PENYELEWENGAN DAN KETIDAKCEKAPAN POLIS DIRAJA MALAYSIALAH YANG MERINTIS JALAN KEPADA KONSPIRASI INI.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Saya adalah seorang ahli politik Umno. Saya menulis surat ini bagi memberi amaran kepada kerajaan bahawa usaha sedang dijalankan oleh beberapa individu dan organisasi mengumpul data dan maklumat berkaitan perkara di atas untuk digunakan sebagai senjata terhadap kerajaan dalam pilihanraya umum akan datang.

Saya mendapat informasi ini daripada seorang kawan berbangsa India yang bekerja sebagai "Special Branch"(SB). Menurut SB beberapa individu berbangsa India, beberapa ahli politik pembangkang dan beberapa Organisasi kaum India (OKI) sedang giat mengumpul maklumat mengenai Gangsterism di kalangan kaum India. Mereka menyalahkan Pihak Polis dan Kerajaan ke atas aktiviti yang negatif ini yang sangat berleluasa sehingga penjenayah-penjenayah ini bermaharajalela seperti tiada undang-undang lansung untuk menghukum mereka.

Mereka(OKI) berkata gangster-gangster ini melakukan aktiviti mereka dengan bantuan pihak Polis. Menurut mereka(OKI) pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengabaikan tugas tanpa bertindak dengan mengambil rasuah dan Kerajaan pula sengaja berdiam diri kononnya Umno nak masyarakat India terus dibelenggu masalah sosial supaya terus berada di takuk lama tanpa kemajuan.

Saya juga difahamkan bahawa segelintir anggota Polis dari pangkat rendah ke pangkat tinggi memberi sokongan kepada gerakan dan operasi ini. Setiap kes yang disyaki ada unsur rasuah dan penyelewengan tugas dikorek semula dengan bantuan anggota Polis sendiri. Walaupun mendapat bukti yang kukuh, mereka nak berdiam diri pada masa sekarang. Secara diam-diam mereka nak mengutip sebanyak mungkin maklumat dan bukti-bukti untuk digunakan pada masa pilihanraya.

Mereka (OKI) bukan sahaja sedang meneliti dan mencari maklumat dan bukti-bukti kes-kes yang lalu tetapi sedang memantau setiap kes yang berkaitan gangsterism yang sedang berlaku. Mereka sedang mengambil data dan maklumat mereka sendiri tanpa pengetahuan Pihak Polis dan kerajaan. Semua maklumat yang dikutip mengenai sesuatu kes tentang – 1. Pegawai Penyiasat Polis (I.O) 2. Ketua-ketua Polis Daerah dan Balai 3. Detektif-detektif 4. Mangsa-mangsa 5. Saksi-saksi akan dijadikan satu laporan berbentuk “statistik” dengan nama-nama serta butiran penuh orang-orang yang berkaitan dalam sesuatu kes.

Laporan dan file-file yang dikumpul itu akan diteliti semula oleh peguam-peguam jenayah yang terkemuka dari pihak pembangkang dan pegawai-pegawai Polis yang menyokong mereka (OKI) untuk diberi sentuhan terakhir sebelum digunakan untuk menimbulkan rasa tidak puas hati bukan sahaja kaum India malah seluruh rakyat Malaysia. Mereka bukan sahaja nak merosakkan nama kerajaan melalui risalah-risalah, malah mereka juga hendak membawa kesemua file-file ini kepada “Majlis Peguam” sebelum membuktikan dengan butiran tepat orang-orang yang terlibat sekaligus menimbulkan kekecohan dengan mengheret kesemua agensi-agensi kerajaan dan organisasi yang berkaitan seperti Badan Pencegah Rasuah, Bukit Aman, Yayasan Jenayah, SUHAKAM dan lain-lain NGO. Motif mereka adalah untuk membuktikan pemerintahan parti Barisan Nasional dipenuhi rasuah yang keterlaluan dan melabel BN tidak layak menjadi pemerintah.

Saya mendapat tahu dari kawan SB tersebut bahawa terdapat beberapa kongsi gelap India yang sering melakukan jenayah seperti pembunuhan dan pengedaran dadah. Kongsi gelap India yang popular di kalangan kaum India ialah geng36, geng08, geng24, geng21, geng18 dan geng “Satu hati”.

Kongsi gelap geng 36 adalah yang paling aktif diikuti geng 08. Kongsi gelap lain seperti geng24, geng 21, geng 18 dan lain-lain geng pun melakukan kegiatan mereka tetapi tidaklah secara begitu terbuka dan berani seperti geng 36 dan geng 08. Geng 36 terlalu berani disebabkan mereka mempunyai kekayaan hasil penjualan dadah secara besar-besaran. Ketua geng 36 bernama Devan. Dia dikenali sebagai Devan 36. Seorang penjenayah yang paling dikehendaki Polis. Namun demikian menurut SB, Devan bebas bergerak menjalankan kegiatan utamanya iaitu mengedar dadah dengan bantuan Polis. Malah Devan juga dikehendaki Polis atas beberapa tuduhan membunuh.

Devan dikatakan seorang jutawan. Dia melakukan kegiatan mengedar dadah dengan bantuan Polis. Devan pernah menjalani hukuman penjara di Penjara Muar bagi kesalahan mengedar Dadah. Bukti-bukti yang dikumpul menunjukkan Devan mempunyai ahli-ahli di seluruh Malaysia. Dia melantik ketua-ketua di semua negeri, daerah dan Bandar-bandar besar. Ketua-ketua yang dilantik bertanggungjawab merekrut ahli geng 36 di kawasan masing-masing.

Sila rujuk senarai nama di bawah yang diberi oleh SB:

Ketua: Devan 36

Adik-adik Dewan: Suresh@Kap, Prakash

Ketua-ketua di bawah mereka:

Katte Babu, Paul, Rojak@Roy, (Eddy, Ricky, Roshan – saudara), (Husin Boy, Rahim, Rahman – adik-adik kepada Ali Boy yang ditembak mati Polis), Purapi@Prabu, Kalimuthu, John Sg.Tua, CM Maran

Terdapat berpuluh-puluh kes terhadap nama-nama yang tersenarai di atas. Namun demikian kesemua mereka masih bebas. Alasan yang biasanya diberi pihak Polis kepada mangsa-mangsa penjenayah-penjenayah di atas ialah tiada bukti yang mencukupi. Kesemua mereka ini terlalu kebal terhadap undang-undang Negara. Kenapa pihak Polis tidak mahu menggunakan Emergency Ordinance (E.O) ke atas mereka?

Sebagai contoh Batu Caves dan Selayang Baru adalah antara dua kubu kuat geng 36 menjalankan aktiviti mereka. Kedua-dua tempat ini berada di bawah kawalan ketua geng 36 bernama Katte Babu. Katte Babu menjalankan pengedaran dadah secara besar-besaran dengan tidak mengendahkan langsung pihak Polis. Apa yang sedang dilakukan oleh IPD Gombak? Ini menunjukkan IPD Gombak menutup satu mata dan membenarkan Katte Babu dan budak-budaknya bebas menjalankan kegiatan mereka.

Beberapa hari sebelum perayaan Thaipusam Batu Caves seorang bernama Sathya diserang geng 36 dengan menggunakan parang dan menculiknya di depan bangunan UMNO Batu Caves. Sehingga sekarang Sathya tidak balik dan tiada berita langsung apa terjadi pada dia. Polis IPD Gombak tahu, Sathya diserang dan diculik oleh anggota geng 36 yang terdiri daripada Katte Babu, Eddy, Ricky Sungai Tua, Roshan, Wina Wira Damai, CM Maran, Purapi@Prabu, Kalimuthu, Paul, Rojak@Roy. Kesemua mereka yang saya sebut masih lagi bebas. Ini menunjukkan IPD Gombak telah menerima rasuah dari geng 36 untuk tidak mengambil tindakan dalam kes ini. Yang Berhormat harus melakukan siasatan keatas IPD Gombak.

Setiap hari dianggarkan di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja sebanyak 50-100 belia India direkrut masuk ke dalam geng 36. Kebanyakan ahli yang direkrut masuk adalah remaja belasan tahun. Pada masa sekarang pengaruh geng 36 sudah menular hingga ke dalam sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Ramai pelajar sekolah sekarang menjadi ahli geng 36. Geng 36 merekrut ramai pelajar di Sekolah-sekolah berikut:

1. SMK Taman Selayang 1 dan 2
2. SMK Selayang Baru 1 dan 2
3. SMK Maxwell Sentul
4. SMK Methodist Boys School Sentul
5. SMK Raja Ali Jalan Ipoh
6. SMK Raja Abdullah

Ahli baru yang hendak memasuki geng 36 perlu melalui satu upacara sembahyang. Upacara sembahyang itu akan dikendalikan oleh seorang yang digelar "Master of Ceremony". Di kawasan Batu Caves dan Selayang "Master of Ceremony" ialah Katte Babu. Ahli-ahli baru di bawa ke satu lokasi tertentu bagi upacara sembahyang dan membuat ikrar kesetiaan. Ahli baru yang diterima masuk harus menitiskan darah sebagai tanda kesetiaan dengan membenarkan lengan kanan bawah sebelah dalam di hiris secara melintang sehingga boleh nampak kulit berwarna putih. Tangan yang dihiris itu tidak boleh dijahit dan harus dibiarkan begitu sahaja. Kebanyakan ahli-ahli geng36 mempunyai parut seperti satu garisan pada lengan mereka. Bagi ahli-ahli yang terlalu muda, tangan mereka tidak dihiris tetapi jari mereka dicucuk dengan jarum untuk mengeluarkan darah mereka.

Ramai remaja India yang muda dan mentah terpengaruh dan terjebak kedalam aktiviti geng 36 ini. Kebanyakan remaja yang menyertai geng 36 menjalankan kegiatan mengedar dadah. Selain mengedar dadah ahli geng 36 mengutip duit perlindungan daripada peniaga, pemilik kilang, pemilik kedai dan kontraktor – kontraktor pembinaan; menarik kereta yang mengalami kemalangan (towing); menarik kereta yang mempunyai tunggakan Bank; menjalankan perniagaan disko, pub dan rumah urut; menjadi bounzer di pusat-pusat hiburan; menjalankan perniagaan ceti haram atau menjadi “Ah Long”.

Kesemua anggota geng 36 ini menjalankan kegiatan, pekerjaan dan perniagaan dengan cara samseng. Sesiapa yang tidak mengikut arahan, mengingkar, membantah dan menentang mereka akan dikasari. Apa sahaja masalah yang timbul diselesaikan dengan cara samseng. Geng 36 ini sudah banyak melakukan pembunuhan dimana sampai sekarang tiada tindakan yang sewajarnya daripada pihak Polis.

Geng 36 dikatakan mempunyai rangkaian (network) yang begitu kuat di seluruh negara. Geng 36 juga mempunyai organisasi yang rapi mengikut hirarki bermula dari sesebuah kawasan atau daerah hingga ke negeri dan seluruh negara. Kegiatan geng 36 ini dijalankan seperti satu perniagaan yang sah dengan pentadbiran yang kemas. Mereka juga mempunyai unit pelaksana untuk melakukan sesuatu tindakan. Sebagai contoh mereka mempunyai “skwad menembak”. Musuh mereka yang dikenal pasti dipantau dan arahan menembak (shooting order) dikeluarkan oleh ketua-ketua geng 36 di sesuatu kawasan, daerah atau negeri.

Siapakah mereka ini untuk mengeluarkan “shooting order”? Kekuatan geng 36 ini menunjukkan darjah pencemaran yang begitu tinggi didalam pasukan Polis Diraja Malaysia. Jika kegiatan mereka ini tidak dibendung, saya rasa geng 36 ini akan jadi seperti “Geng Mafia di Itali”. Semakin lama kita biarkan geng ini bermaharajalela, semakin sukar bagi pihak berkuasa menanggapi masalah ini. Yang berhormat harus mengambil tindakan yang sewajarnya secepat yang mungkin. Jika tidak anggota-anggota Polis dan pegawai-pegawai Polis kita akan menjadi terlalu selesa dan lena dengan rasuah yang diterima oleh mereka sehingga ia menjadi suatu “Police culture”.

Selepas mendapat pelbagai informasi seperti di atas daripada kawan SB, memang benar berlaku rasuah yang keterlaluan dalam Jabatan Polis secara keseluruhan. Ketidakuashatian kaum India terhadap pihak Polis dan kerajaan memang adil. Menurut kawan SB saya, pihak Polis selalunya menutup kesalahan mereka dengan mengadakan operasi membasmi gangsterism dengan menahan samseng-samseng yang mempunyai rekod terdahulu; konco-konco di bawah seseorang ketua tanpa membuat tangkapan ketua-ketua mereka yang aktif menjalankan kegiatan gangsterism pada masa sekarang.

Bagi membendung kegiatan negatif ini, pihak Polis seharusnya menangkap ketua-ketua kongsi gelap yang aktif bermaharajalela pada masa sekarang dan bukannya menangkap seorang yang pernah menjadi samseng suatu masa dahulu atau samseng yang sudah bertaubat dan balik ke pangkal jalan.

Masyarakat India di kawasan saya pernah beberapa kali datang berjumpa saya mengadu yang Polis tidak mengambil tindakan walaupun laporan Polis telah dibuat. Rasuah paling teruk diterima pihak Polis adalah daripada pengedar dadah. Mereka dibiarkan melakukan apa sahaja oleh pihak Polis dengan mengambil rasuah.

Kegiatan yang dijalankan oleh kesemua kongsi gelap ini harus dibendung bukan sahaja bagi tujuan pilihanraya tetapi demi membentuk masyarakat yang aman dan dinamik serta bebas daripada kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Jika kegiatan kongsi gelap bukan sahaja dalam masyarakat India tapi secara keseluruhan tidak dibendung maka ia mencerminkan kelemahan dan ketidakprihatinan pemerintah dan kerajaan Barisan Nasional.

Walaupun terdapat banyak lagi kongsi gelap, geng 36 inilah yang lebih menonjol dan terlalu aktif pada masa sekarang. Mengikut berita yang saya terima, OKI dan pihak pembangkang giat memantau dan mengumpul maklumat daripada orang dalam mereka dalam pasukan polis tentang geng 36. OKI dan ahli politik pembangkang bukannya musuh kepada geng 36 tetapi tindak tanduk geng 36 ini terlalu menonjol sehingga mencemarkan reputasi pihak Polis Di Raja Malaysia dan kerajaan keseluruhannya lalu membuka peluang kepada OKI menggunakan isu ini sebagai senjata mereka menentang Barisan Nasional dan kerajaan.

OKI dan ahli pembangkang juga sedang mengumpul maklumat mangsa-mangsa untuk membuat siasatan sendiri. Menurut SB juga kemungkinan besar kesemua maklumat dan bukti-bukti yang dikumpul akan digunakan untuk membuat perarakan secara besar-besaran dengan menuduh kerajaan tidak jujur dalam melaksanakan konsep “Satu Malaysia” dengan menganaktirikan kaum India. Melihat apa yang sedang berlaku kerajaan seolah-olah sengaja tidak mengambil tahu kepincangan kaum India yang disebabkan oleh kegiatan Gangsterism.

Tuduhan yang hendak dilemparkan oleh mereka (OKI) ialah Parti Barisan Nasional khususnya UMNO tidak mengambil inisiatif dan membiarkan masyarakat India berlaga satu sama lain dan tenggelam dalam kegiatan gangsterism. Secara kesimpulan OKI hendak menuduh UMNO sedang membuat “Ethnic Cleansing” secara perlahan-lahan dengan membiarkan penularan dan penerapan sifat Gangsterism bermula dari bangku Sekolah di kalangan kaum India.

Saya sebagai seorang ahli UMNO menyeru supaya tindakan yang sewajarnya diambil. Kegiatan Gangsterism di kalangan kaum India bukan sahaja membantutkan kemajuan masyarakat tersebut tetapi secara tidak langsung memberi impak yang negatif kepada kaum Melayu. Sebagai contoh pengedaran dadah kongsi-kongsi gelap ini merosakkan ramai belia-belia Melayu. Majoriti penghuni pusat-pusat pemulihan Dadah adalah kaum Melayu. Kegiatan kongsi-kongsi gelap ini bukan sahaja merosakkan belia India sahaja tetapi keseluruhan masyarakat kita.

Dalam hal ini MIC sebagai parti komponen Barisan Nasional yang memperjuangkan hak masyarakat India harus memainkan peranan yang lebih serius. MIC tidak harus lupa kesilapan yang mereka buat pada pilihanraya tahun 2008. MIC yang mengutuk masyarakat India yang menyertai perarakan Hindraf telah menyebabkan masyarakat India naik marah bagaikan “menuang petrol untuk memadam api”. Justeru masyarakat India telah mewujudkan impak yang begitu besar bagaikan tsunami dimana kebanyakan calon pilihanraya bukan sahaja MIC malah dari parti komponen lain Barisan Nasional kalah. Oleh yang demikian MIC harus mengambil langkah yang bijak dalam menangani isu ini. Pemimpin-pemimpin MIC harus turun padang mencari penyelesaian kepada masalah ini.

Menurut SB kesemua kegiatan geng 36 ini diketahui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga ke Bukit Aman. Gejala rasuah sedang menjadi suatu “**adat**” dalam PDRM. Yang Berhormat harus melakukan sesuatu sebelum negara kita menjadi seperti negara Mexico dimana rasuah dikalangan anggota dan pegawai-pegawai Polis adalah sesuatu yang biasa sehingga kebanyakan jenayah di negara mereka dilakukan oleh pihak Polis. Di Batu Caves dan Selayang Baru contohnya IPD Gombak dijolok dengan wang ringgit dan kemewahan sebagai rasuah oleh geng 36 untuk tidak mengambil tindakan keatas segala kegiatan mereka. Katte Babu, Ricky, Roshan dan Eddy dikatakan membelikan kereta baru kepada ramai pegawai Polis di IPD Gombak. Malah Katte Babu sendiri membayar ansuran bulanan kereta-kereta yang dibelikannya.

Saya berpendapat kegiatan Gangsterism di kalangan kaum India ini harus di bendung sehingga ke akar umbi supaya Barisan Nasional mendapat kepercayaan kaum India dalam pilihanraya akan datang. Saya harap Yang Berhormat jangan mengambil isu ini remeh kerana daripada maklumat yang saya terima OKI sedang merancang demonstrasi Ala-Hindraf. Mereka dengan begitu giat menjalankan kerja-kerja untuk menidakkan undi kaum India dan sekaligus membuat impak yang besar seperti yang dilakukan oleh HINDRAF pada tahun 2008.

Yang Berhormat tidak harus lupa impak yang begitu besar yang diwujudkan oleh **Hindraf** sehingga pihak pembangkang mencipta sejarah dengan memenangi pilihanraya di 5 negeri. Saya harap UMNO dan Barisan Nasional jangan ambil perkara ini secara remeh dan “**underestimate**” musuh kita seperti yang dilakukan pada tahun 2008. Kegiatan geng-geng kongsi gelap lain yang tidak begitu aktif juga harus dipantau dan dibendung supaya tidak terus berkembang menjadi seperti geng 36.

Saya mencadangkan supaya satu “**pasukan khas**” ditubuhkan untuk memantau PDRM dan kongsi-kongsi gelap yang aktif. Saya memberi cadangan ini supaya satu siasatan yang adil, menyeluruh dan telus dijalankan tanpa unsur rasuah. Jika seorang warganegara prihatin membuat aduan, soalan pertama yang ditanya ialah “ Ada bukti tak?”. Melihat kejadian-kejadian yang berlaku, seorang yang waras akan faham gejala rasuahlah punca utama kegiatan gangsterism. Selama ini sudah banyak insiden-insiden yang telah mencemarkan nama PDRM yang secara tidak langsung mencemarkan nama kerajaan serta nama Yang Berhormat yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara selaku Menteri dalam Kementerian Dalam Negeri.

Bila lagi kerajaan nak meletak noktah kepada pencemaran ini? Mengikut pengalaman dan pengetahuan saya Yang Berhormat, Negara kita dibelenggu gejala rasuah yang serius terutamanya didalam PDRM. Sekali lagi saya mengingatkan Yang Berhormat jangan “**underestimate**” musuh kita. Segelintir pegawai Polis sendiri yang tidak berpuas hati dengan apa yang sedang berlaku dalam PDRM membantu konspirasi ini. Pegawai-pegawai yang prihatin ini harus dikenal pasti dan tenaga serta kebolehan mereka digunakan untuk membentuk pasukan keselamatan dinamik dan bebas daripada gejala rasuah.

Pendek kata UMNO harus melakukan sesuatu untuk meraih kepercayaan masyarakat bukan melayu dan menidakkan rancangan OKI. Yang Berhormat yang menjadi Ketua dan Menteri yang menjaga keamanan dalam negeri harus melakukan “post mortem” keatas pasukan Polis Diraja Malaysia yang tercemar dengan masalah rasuah dan pengabaian tugas sekaligus menghapuskan gejala gansterism ini supaya konspirasi yang sedang dirancang ini menemui kegagalan. Sekian terima kasih.

“HIDUP UMNO, HIDUP MELAYU, HIDUP MASYARAKAT MALAYSIA”

Yang benar,

.....
(Ahli Umno Selayang Baru)

Nota: Saya akan datang berjumpa dengan YB Dato Seri tidak lama lagi. Pada masa sekarang saya tidak mahu mendedahkan identiti saya bukan kerana tidak percaya dengan YB tetapi tidak percaya dengan PDRM yang akan melakukan siasatan. Jika saya mendedahkan identiti, nyawa saya terancam. Jika saya nampak ada tindakan dari pihak Yang Berhormat, saya pasti akan datang berjumpa YB. Saya mempunyai beberapa bukti yang boleh mengejutkan YB. Biar siasatan dilakukan oleh pasukan khas Yang Berhormat. Selepas selesai siasatan pasukan khas itu saya akan serahkan kesemua bukti-bukti kepada YB.

Saya mempunyai sebab kenapa saya tak mahu menyerahkan bukti-bukti tersebut sekarang. Jika saya serahkan bukti-bukti tersebut pegawai-pegawai dalam pasukan Khas yang akan dilantik oleh YB terpaksa mengambil tindakan keatas individu yang terlibat walaupun mereka mempunyai niat untuk menyeleweng. Bukti-bukti yang akan saya sertakan dalam surat kedua saya boleh dijadikan “check list” untuk menilai siasatan Pasukan Khas YB.